



ORANG ASAL SEMAI DAN TEMIAR

DI PAHANG DAN KELANTAN
SEMENANJUNG MALAYSIA

SEJARAH, BUDAYA DAN BAHASA

SHARIFAH S. AHMAD

DAYANG HAJYRAYATI A. KASSIM

ZAMRI HJ. HASSAN

WONG SWEE KIONG

PETER KARUBI

JUSTIN PETON

**ORANG ASAL
SEMAI DAN TEMIAR**
DI PAHANG DAN KELANTAN
SEMENANJUNG MALAYSIA
WJARANIL BUDAYA DAN BAHASA

© UNIMAS Publisher, 2019

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

Diterbitkan di Malaysia oleh
UNIMAS Publisher
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia

Dicetak di Malaysia oleh
PPKS Production Sdn. Bhd.,
Jalan Wan Aiwi, Tabuan Jaya,
93350 Kuching,
Sarawak Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Pengkatalogan dalam Penerbitan

Sharifah S. Ahmad

ORANG ASAL SEMAI DAN TEMIAR DI PAHANG DAN KELANTAN
SEMENANJUNG
MALAYSIA / SHARIFAH S. AHMAD, DAYANG HAJYRAYATI A. KASSIM,
ZAMRI HJ.
HASSAN, WONG SWEE KIONG, PETER KARUBI, JUSTIN PETON.
ISBN 978-967-2298-36-6

1. Orang Asal (Malaysian people)--Malaysia--Pahang.
2. Orang Asal (Malaysian people)--Malaysia--Kelantan.
3. Orang Asal (Malaysian people)--Social life and customs.
4. Senoi (Southeast Asian people)--Malaysia--Pahang.
5. Senoi (Southeast Asian people)--Malaysia--Kelantan.
6. Senoi (Southeast Asian people)--Social life and customs.
7. Government publications--Malaysia.
I. Dayang Hajyrayati A. Kassim. II. Zamri Hj. Hassan.
III. Wong, Swee Kiong. IV. Peter Karubi.
V. Justin Peton. VI. Judul.

Isi Kandungan

Senarai Rajah	viii
Senarai Foto	ix
Singkatan	xi
Kata Pengantar	
Kata Pengantar daripada Ketua Penyelidik	xiii
Mukadimah	
Informasi Teknologi dan Kelangsungan Budaya Masyarakat Orang Asal	xv
Pendahuluan	
Pengenalan Projek <i>Telecentre</i> Orang Asli di Semenanjung Malaysia (TPOA)	xix
Bahagian Pertama	
Dokumentari Komuniti Orang Asal Semai dan Temiar	1
Bab 1	
Disiplin Sains Sosial dan Pensejarahan Orang Asal di Semenanjung Malaysia	3
Bab 2	
Survei Komuniti Temiar di Pos Gob, Kelantan	17
Bab 3	
Survei Komuniti Semai di Pos Senderut, Pahang	31

Bab 4		
Kaedah Dokumentasi Cerita Rakyat Komuniti Semai		43
Bab 5		
Kaedah Dokumentasi Kosa Kata Komuniti Semai dan Temiar		53
Bahagian Kedua		
Dokumentasi Cerita Rakyat dan Kosa Kata		63
Bab 6		
Cerita Rakyat Semai di Pos Lenjang		65
Bab 7		
Kosa Kata Temiar di Pos Gob		91
Bab 8		
Kosa Kata Semai di Pos Senderut		115
Rujukan		137
Indeks		141

Senarai Rajah

Rajah P.1	Rangkaian operasi <i>telecentre</i>	xxi
Rajah P.2	Ringkasan maklumat <i>telecentre</i>	xxii
Rajah P.3	Lokasi kajian	xxvi
Rajah 2.1	Maklumat ringkas Pos Gob	29
Rajah 2.2	Sejarah Pos Gob	29
Rajah 3.1	Lokasi Pos Senderut	32
Rajah 3.2	Pos Senderut	35
Rajah 3.3	Maklumat ringkas Pos Senderut	38
Rajah 3.4	Maklumat diperoleh daripada narasumber	39
Rajah 3.5	Pantang larang	40
Rajah 3.6	Perbezaan antara sejarah lisan dan sejarah formal	41
Rajah 5.1	Kosa kata Hugh Clifford (1891)	56

Senarai Foto

Foto i	Ceramah Kesedaran Pendidikan	xxiii
Foto ii	Kluster Pendidikan	xxiv
Foto iii	Bengkel Pemantapan Diri Dan Kemahiran IT	xxiv
Foto 1.1	Rekod penjara Mary McDonald	5
Foto 1.2	John William Lindt (1845 – 1926)	8
Foto 1.3	Kamera abad ke 19	9
Foto 1.4	Nota lapangan Profesor Marian Smith (1907-1961)	10
Foto 1.5	Richard Winstedt (1878 – 1946)	11
Foto 1.6	William Walter Skeat (1866 – 1953)	13
Foto 1.7	Ekspedisi Cambridge	13
Foto 1.8	Hasil penyelidikan Ekspedisi Skeat	14
Foto 1.9	Lakaran corak kaum Sakai	14
Foto 1.10	Peta terawal penempatan Orang Asal	16
Foto 2.1	Peta lakaran Herbert Deane Noone (1907 - ?)	18
Foto 2.2	John Slimming (1926 – 1978)	19
Foto 2.3	Lakaran peta Kampung Gob	21
Foto 2.4	Kampung Gob pada tahun 2011	21
Foto 2.5	Kampung Lengrang di Pos Gob	21
Foto 2.6	Markas peninggalan tentera British, Kampung Gob	22
Foto 2.7	Rumah di Kampung Gob	22
Foto 2.8	Telecentre Pos Gob	22
Foto 2.9	Daun dan akar tumbuhan	23
Foto 2.10	Rumah sewang di Kampung Gob	24
Foto 2.11	Daun dan bunga-bunga untuk upacara sewang	24
Foto 2.12	Bahan utama anyaman	25
Foto 2.13	Hasil kraftangan di Kampung Gob	26
Foto 3.1	Lakaran lokasi kampung di Pos Senderut	33

Foto 3.2	Perbincangan sejarah lisan di Pos Senderut	33
Foto 3.3	Pos Senderut	34
Foto 3.4	Perkampungan Pos Senderut	34
Foto 3.5 (a)	Wanita sedang menjemur koko	36
Foto 3.5 (b)	Hasil biji koko, Pos Senderut	36
Foto 3.5 (c)	Haiwan ternakan	36
Foto 3.6	Tabung air buluh	37
Foto 3.7	Ambung	37
Foto 3.8	Perbincangan sejarah lisan	38
Foto 4.1	Puan Subaini dari Kampung Lenjang	45
Foto 4.2	Sesi latihan di <i>telecentre</i> e-Lenjang	46
Foto 4.3'	Sesi pengumpulan maklumat	46
Foto 4.4	En. Ramli A/L Pasit	47
Foto 4.5	Aktiviti <i>jungle trekking</i>	47
Foto 4.6	Puan Subaini bt Bah, Kampung Lenjang	48
Foto 4.7	Proses terjemahan skrip temubual	49
Foto 4.8	Validasi maklumat	50
Foto 4.9	Sudut Warisan <i>Telecentre</i> E-Lenjang	51
Foto 5.1	Hugh Clifford (1866-1941)	56
Foto 5.2	Pengumpulan kosa kata di Kampung Senderut	60
Foto 5.3	Pengumpulan kosa kata	60
Foto 5.4	Validasi kosa kata Semai	60
Foto 5.5	Pengumpulan kosa kata di Pos Gob	61
Foto 5.6	Fasa kedua pengumpulan kosa kata di Pos Gob	61
Foto 5.7	Golongan ibu di Pos Gob	61
Foto 6.1	Air terjun Gel Geres	66
Foto 6.2	Bunga carak	78
Foto 7.1	Perbincangan di Kampung Chempian	92

Foto 7.2	Pembentangan lisan pelajar SK Sinderut	93
Foto 7.3	Kampung Tembaga di Pos Gob	99
Foto 7.4	Kampung Gawing	102
Foto 7.5	<i>Soi juhuk</i> (pokok)	105
Foto 7.6	Balai raya Kampung Gawing	106
Foto 7.7	Sungai Gob	109
Foto 7.8	Kampung Gob	111
Foto 8.1	Mengumpul rotan di Pos Lenjan	117
Foto 8.2	Kampung Saweh di Pos Senderut	122
Foto 8.3	Lukisan: Bah Pesan, Keliy dan Habel	126
Foto 8.4	<i>Deng</i> (Rumah)	129
Foto 8.5	<i>Huet jehuk betar</i> (Memanjat pokok petai)	132
Foto 8.6	Lukisan oleh Efa, Amus dan Sura	134

Singkatan

ICT	<i>Information, Communication and Technology</i>
ISITI	Institut Informasi Sosial Dan Inovasi Teknologi
IT	<i>Information Technology</i>
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
PGA	Pasukan Gerakan Am
TPOA	Telecentre Project for Orang Asli
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
VSAT	<i>Very Small Aperture Terminal</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

Kata Pengantar

Naskah ini merupakan salah satu usaha projek penyelidikan yang dikenali sebagai *Telecentre Project for Orang Asli* (TPOA) yang bertujuan untuk memperkasakan pengetahuan peribumi sejajar dengan perubahan semasa. Kami menyedari bahawa pembangunan fizikal dan teknologi semata-mata tidak mampu untuk dipertahankan tanpa ilmu dan kekayaan budaya yang menjadi asas kepada identiti dan kelestarian komuniti dalam mengharungi cabaran modenisasi dan globalisasi.

Buku ini disasarkan sebagai rujukan untuk bacaan umum, guru-guru dan pelawat yang ingin mendekati jiwa komuniti Orang Asal Semai di Pahang dan Temiar di Kelantan. Kosa kata yang terkandung di dalamnya juga akan ditambah-baik dari semasa ke semasa untuk memastikan ia kekal relevan kepada komuniti dan pengguna lain.

Saya mengucapkan syabas kepada para penulis dan pengkaji naskah ini yang dipelopori oleh Dr Sharifah Sophia atas komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan penyampaian objektif projek memenuhi kehendak dan keperluan komuniti Semai dan Temiar di lokasi tersebut. Diharapkan agar usaha ini dapat memberi sedikit sebanyak maklumat tambahan kepada naskah-naskah penyelidikan Orang Asal yang sedia ada.

Prof Madya Dr Poline Bala

Ketua Penyelidik *Telecentre Project for Orang Asli* (TPOA)

Mukadimah

Telecentre Project for Orang Asli in Peninsula Malaysia (TPOA) merupakan sebuah kolaborasi antara Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Institut Informasi Sosial dan Inovasi Teknologi (ISITI), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang bermula dari tahun 2012 sehingga 2018. Kolaborasi tersebut menasarkankan pengenalan inovasi telekomunikasi tanpa wayar yang mesra pengguna serta pengenalan teknologi digital di pedalaman berlandaskan keterlibatan komuniti dan kelangsungan kualiti kehidupan.

Sehubungan itu, enam kluster diwujudkan untuk memenuhi matlamat di atas. Kluster Informasi dan Komunikasi Teknologi (ICT) dan Kejuruteraan bertanggungjawab dalam membina infrastruktur dan ekosistem teknologi yang mesra pengguna sebagai pusat telekomunikasi atau dikenali sebagai *Telecentre*. Manakala kluster Pendidikan, Pengetahuan Peribumi, Kesihatan, Eko-Pelancongan, Latihan dan Agro Perniagaan dipertanggungjawabkan untuk merangka pelan dan aktiviti pembangunan komuniti bagi melapangkan minda dan menanam minat terhadap teknologi ICT yang dipercayai mampu meningkatkan taraf hidup melalui akses maklumat di atas talian.

Buku ini merupakan hasil kolaborasi antara Kluster Pendidikan dan Pengetahuan Peribumi serta koordinator projek TPOA di lokasi Pos Gob di Kelantan dan Pos Senderut di Pahang. Buku ini ditulis dengan tujuan untuk dibaca oleh khalayak yang berminat mengetahui sejarah, cerita dan bahasa Semai dan Temiar seperti pelajar, guru, dan pelawat luar yang mengunjungi pedalaman. Mengenali bahasa komuniti merupakan kaedah paling berkesan untuk mendekati jiwa masyarakat dan mengurangkan jurang perbezaan yang wujud buat mereka yang pertama kali menjejak kaki ke perkampungan Orang Asal.

Para pengarang ingin merakamkan penghargaan kepada individu-individu yang telah membantu menjayakan dokumentasi serta penerbitan buku ini.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa)

Ketua Pos di Pos Gob, Pos Balar, Pos Senderut, Pos Lenjang.

Pos Gob

Narasumber: Encik Angah Bongso, Penghulu Liman dan Encik Disman.

Kosa Kata: Malina, Asud, Abok, Yati, Rohana, Rahana, Roslina, Nani.

Pemandu 4x4: Encik Udin (Udey).

Pos Senderut

Narasumber: Batin Harun, Batin Yok Ek dan Encik Jali.

Kosa Kata: Yaza, Abi, Batin Yahya a/l Pengsan, Batin Mahathir Yok Tegos, Kanda a/p Sidin, Ain a/l Tok Mun.

Tuan Abdul Manaf b. Mat – Guru Besar SK Senderut, Kuala Lipis, Pahang.

Pos Lenjang

Narasumber: Encik Ramli a/l Pasit.

Penterjemah Cerita Rakyat: Subaini binti Bah, Guoy a/p Pasit, Rozita a/p Ramli, Anis Solehah binti Abdullah.

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Prof Madya Dr Poline Bala, Ketua Projek *Telecentre Project for Orang Asli in Peninsula Malaysia* (TPOA).

Prof Madya Dr Neilson Ilan Mersat, Dekan Fakulti Sains Sosial.

Prof Dr Narayanan Kulathu Ramaiyer, Pengarah Institut Informatik Sosial dan Teknologi Inovasi (ISITI).

Prof Madya Dr Jane Labadin, Pengarah UNIMAS Publisher.

Prof Madya Dr Tan Chong Eng, Ketua Kluster ICT.

Elise Wong, Penyelidik Kluster ICT.

Puan Norinda Krang Su'ut, UNIMAS Publisher.

Encik Abang Zainuddin Abang Haji Sharkawi, UNIMAS Publisher.

Puan Samsina Serah, Institut Informatik Sosial dan Inovasi Teknologi (ISITI).

Mohd Ismail b. Jolhip, Jurufoto.



Senarai pengarang dan penyelidik naskhah (kiri ke kanan):

Justin Peton (pembantu penyelidik), Wong Swee Kiong (koordinator TPOA bagi Pos Senderut), Sharifah S. Ahmad (kluster Pendidikan), Dayang Hajyrayati A. Kassim (kluster Pengetahuan Peribumi), Zamri Hassan (kluster Pendidikan), Peter Karubi (koordinator TPOA bagi Pos Gob)

Pendahuluan

Topik persediaan dan cabaran ke arah menuju transformasi yang didukung oleh Revolusi Digital telah menjadi wacana perbincangan polisi dan akademik pada ketika ini. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan pelan transformasi pendidikan tinggi bermula tahun 2015 sehingga tahun 2025. Ini untuk menyediakan tenaga kerja yang berdaya saing dan mampu memenuhi keperluan industri dan juga mencipta peluang pekerjaan yang baharu di dalam konteks automasi dan perkembangan inovasi teknologi yang mendatang.

Kesedaran kepentingan kuasa pengetahuan mendasari kolaborasi antara Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bermula dari tahun 2010, gelombang arus teknologi yang melanda masyarakat di peringkat global telah membawa perubahan dan desakan baharu dari aspek ekonomi, sosial, politik, pendidikan dan kerjasama institusi antarabangsa terutama sekali di dalam perkongsian dan pemindahan teknologi lestari (*sustainable technology*).

Perubahan yang berlaku di peringkat global ini harus diterjemahkan dan disalurkan secara evolusi kepada masyarakat di luar bandar, terutamanya masyarakat Orang Asal yang mengutamakan kelangsungan budaya (*cultural survival*) dan juga menerima perubahan positif yang dibawa oleh teknologi arus perdana.

Sehubungan itu, kumpulan penyelidik UNIMAS yang diketuai oleh Prof Madya Dr Poline Bala dari Fakulti Sains Sosial telah mengolah dan mengadaptasi kaedah penyelidikan dan pembangunan komuniti (*community development*) yang menekankan penyertaan komuniti di dalam semua aspek penyediaan teknologi di setiap lokasi sasaran. Maka lahirlah projek *Telecentre for Orang Asli in Peninsula Malaysia* (TPOA).

Komuniti dilibatkan dari peringkat awal perbincangan sehingga ke fasa implementasi projek berjaya dilaksanakan. Antaranya, mengumpul data berkenaan keperluan komuniti setempat, perancangan projek, lokasi tapak, pembinaan dan pengurusan *telecentre*. Para penyelidik dari Fakulti Sains Sosial juga telah menyediakan asas latihan kepada komuniti untuk memastikan tahap literasi komputer dapat digembleng ke arah mengoptima kemudahan internet dan seterusnya membawa perubahan yang dikehendaki oleh masyarakat tempatan.

Enam kluster telah diwujudkan bagi mencapai tujuan tersebut iaitu Pendidikan, Pengetahuan Peribumi, Kesihatan, Eko-Pelancongan, Latihan dan Agro Perniagaan. Setiap kluster membawa objektif yang selari dengan keperluan untuk mendekatkan masyarakat dengan manfaat teknologi selaku alat pemangkin kepada nilai, kemahiran dan sumber komuniti tempatan.

“Recognizing that respect for indigenous knowledge, cultures and traditional practices contributes to sustainable and equitable development and proper management of the environment.”

United Nations Declaration of the Rights of the Indigenous People (2007)


Kelestarian teknologi informasi

Pusat Komunikasi atau *telecentre* yang dibangunkan oleh Kluster Informasi dan Teknologi (ICT) serta Kejuruteraan, UNIMAS, menggunakan tenaga solar yang dijana melalui VSAT dengan kapasiti pautan 3Mbps (*downlink*) dan 1.5 Mbps (*uplink*). Teknologi ini membolehkan penduduk untuk mengakses maklumat terkini dan menggunakan aplikasi *whatsapp* untuk komunikasi secara tanpa wayar (*wireless*). Di Pos Senderut dan Pos Gob, operasi *telecentre* adalah di bawah kelolaan Jawatankuasa Pengurusan Telecentre yang dipantau oleh Jawatankuasa Penasihat Komuniti terdiri daripada kalangan penduduk kampung yang dilantik melalui pemilihan terbuka. Kluster ICT yang diketuai oleh Dr Tan Chong Eng juga telah mengadakan latihan pengendalian alatan ICT kepada Jawatankuasa dan pelatih tempatan serta melakukan pemantauan teknikal dari semasa ke semasa.

Teknologi yang digunakan di *telecentre* ialah unik kerana berlandaskan prinsip kelestarian (*sustainability*). Ianya menggunakan sumber solar yang mesra alam dan efisien. Teknologi ini juga mengambil kira faktor luar jangka yang timbul kesan dari fenomena alam seperti kilat dan hujan lebat. Sebuah stesen pengecasan yang menggunakan bateri akan diaktifkan apabila ketiadaan sumber kuasa di *telecentre*. Jawatankuasa Telecentre di Pos tersebut seperti penjaga dan pembantu teknikal telah dibekalkan dengan latihan bagi mengatasi masalah yang mungkin timbul (*troubleshooting*).

Berikut ialah visual teknologi yang terdapat di *Telecentre* Pos Senderut dan Pos Gob:

Rajah P. 1: Sistem Rangkaian Operasi Telecentre.



Sumber: Dr Tan Chong Eng dan Elise Wong dari Kluster ICT.

Rajah P. 2 Ringkasan Maklumat Telecentre Pos Gob dan Pos Senderut

OBJEKTIF	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memudahkan komunikasi dengan mereka yang berada di luar kampung. 2. Akses maklumat terkini. 3. Menyediakan informasi bagi tujuan pendidikan, agro perniagaan, latihan dan eko- pelancongan. 4. Menyediakan maklumat kesihatan. 5. Memacu pembangunan luar bandar melalui peranan telecentre sebagai pusat transformasi. 6. Menyampaikan teknologi telekomunikasi (ICT) yang mesra pengguna dan praktikal.
PERALATAN ICT	Tablet, komputer, projektor, paparan tanpa wayar (<i>wireless display device</i>)
KEMUDAHAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Internet tanpa wayar (<i>wireless</i>) 2. Aplikasi Pendidikan secara atas talian (<i>online</i>) dan luar talian (<i>offline</i>) 3. Mengecas telefon bimbit. 4. Salinan dan percetakan. 5. Latihan secara <i>in-situ</i> atau jarak jauh (<i>remote</i>) untuk kemahiran ICT, latihan pendidikan dan aktiviti kesihatan. 6. Panggilan kecemasan.
APLIKASI	<p>Pendidikan: Dokumentari sejarah, sains dan alam sekitar; video komunikasi Bahasa Inggeris dan motivasi pendidikan; Kosa Kata Semai/Temiar – Melayu – Inggeris.</p> <p>Kesihatan: Video maklumat kesihatan seperti kesihatan diri, kebersihan, wanita mengandung dan makanan seimbang.</p> <p>Agro-perniagaan: harga komoditi dan teknik penanaman komersil.</p>

Sumber: Dr Tan dan Elise Wong

Kluster Pendidikan dan Pengetahuan Peribumi

Kluster Pendidikan ialah sebahagian daripada kluster yang diwujudkan di dalam projek TPOA. Ia bertujuan untuk menyokong pembangunan infrastruktur telecentre melalui program pendidikan. Matlamat utama kluster ini ialah untuk memberi pendedahan literasi maklumat (*information literacy*) yang bersangkut-paut dengan pendidikan melalui penggunaan teknologi internet yang berpusat di telecentre. Aktiviti penyebaran ilmu melalui penggunaan internet kepada pelajar sekolah, khususnya, diharap dapat membantu mempersiapkan pelajar untuk mengharungi penggunaan teknologi dalam pendidikan di peringkat pengajian menengah dan tinggi. Sehubungan itu, kluster ini telah melaksanakan beberapa program untuk pelajar serta kempen kesedaran bersama ibu bapa bagi berkongsi pandangan dan cadangan yang berupaya untuk meningkatkan penggunaan telecentre di kalangan anak-anak dan pelajar.

Kluster Pengetahuan Peribumi telah menjalankan aktiviti dokumentasi warisan terutamanya di Pos Lenjang untuk pemeliharaan budaya komuniti tempatan. Ini termasuk membuat dokumentasi sejarah tempatan, cerita lisan, corak kraf tempatan dan lagu rakyat. Aktiviti tersebut saling melengkapi dan selari dengan hasrat utama projek TPOA di dalam membudayakan teknologi di perkampungan orang Asal.

Aktiviti Kluster Pendidikan



Foto i: Ceramah kesedaran pendidikan kepada kanak-kanak dan ibu bapa ialah salah satu contoh aktiviti jalinan masyarakat yang dijalankan oleh kluster Pendidikan. Foto di atas menunjukkan sesi motivasi yang dijalankan di Kampung Saweh pada 29 Julai 2016, bertempat di Pos Senderut.



Foto ii: Sesi pengenalan ahli kluster Pendidikan bersama guru-guru dan pelajar SK Senderut pada 28 Julai 2016. Peserta dimaklumkan tentang kemudahan *telecentre* dan bahan pendidikan yang disediakan seperti video kesedaran kesihatan, pengucapan Bahasa Inggeris dan pameran poster Orang Asal yang bertemakan *Wall of Knowledge*.



Foto iii: Bengkel Pemantapan Diri dan Kemahiran IT dihadiri oleh 25 pelajar lepasan UPSR SK Senderut, pada 3 November 2016. Pelajar dilatih asas kemahiran IT, mencari bahan atas talian dan membuat pembentangan secara berkumpulan.

Pengolahan Teks

Maklumat yang dipersembahkan di dalam buku ini berdasarkan hasil penyelidikan lapangan yang bermula dari tahun 2010 sehingga 2017. Laporan ini memfokuskan komuniti Semai di Pos Senderut, Pahang dan komuniti Temiar di Pos Gob, Kelantan.


Laporan empirikal ini terhasil daripada interaksi jangka panjang antara para pengkaji dan komuniti setempat. Ini telah membawa manfaat dari segi membina pengetahuan berkaitan komuniti dan mengamati pola yang mendasari perubahan sosial, ekonomi dan budaya dalam komuniti tempatan. Sehubungan itu, 'data' yang terhasil daripada interaksi lapangan seperti deskripsi kehidupan seharian, temu bual penduduk dan sejarah tempatan, dihimpunkan di dalam laporan ini untuk dikongsi kepada khalayak pembaca. Kajian lokal sebegini amat jarang diperolehi kerana penyelidikan Orang Asal dewasa ini bersifat umum bertujuan untuk generalisasi.

Penyelidikan ialah satu proses explorasi idea dan pengumpulan data secara saintifik. Maka, perspektif, andaian dan kaedah penelitian data dipengaruhi oleh paradigma. Begitu halnya dengan kajian ini. Para penyelidik dipengaruhi oleh paradigma Interpretivisme yang menekankan andaian berikut: realiti sosial dicorak oleh situasi dan perspektif peserta; penghasilan data lapangan melibatkan proses interaksi sosial antara pengkaji dan masyarakat; akhir sekali, kaedah kajian bersifat refleksif, yakni, interaktif dan fleksibel mengikut konteks (Bailey 2018, 64). Pembaca boleh melihat proses paradigma ini dalam Bab 4 dan 5.

Laporan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian Pertama ialah *Dokumentari Komuniti Orang Asal Semai dan Temiar* yang mengandungi lima bab, antaranya membincangkan sejarah penyelidikan Orang Asal, maklumat komuniti Orang Asal Semai di Pos Senderut, Pahang dan komuniti Temiar di Pos Gob, Kelantan, serta kaedah pengumpulan cerita rakyat dan kosa kata Bahasa Semai dan Temiar.

Bahagian Kedua ialah *Dokumentasi Cerita Rakyat dan Kosa Kata Semai dan Temiar*. Ini ialah hasil gotong-royong antara komuniti dan penyelidik dalam usaha pemeliharaan pengetahuan tempatan. Cerita rakyat dan bahasa ialah sebahagian daripada warisan khazanah budaya yang 'tak ketara' ("*intangible cultural heritage*") dan telah menyumbang kepada identiti Orang Asal, khususnya, dan kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia, amnya. Tambahan pula, *United Nations Education, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO), melalui Artikel 11, Konvensyen Pemeliharaan Warisan Budaya Tak Ketara, telah menekankan inventori pengetahuan budaya untuk membolehkan pemeliharaan dan kelangsungan bagi generasi masa hadapan.

Diharap agar buku ini menyumbang kepada aspirasi tersebut. Selamat membaca.



Rajah P. 3: Lokasi Kajian di Pos Gob, Kelantan dan Pos Senderut, Pahang.

Dokumentari Komuniti Orang Asal Semai dan Temiar

18th September 1899: *“Laidlaw and I ascended the river Aring as far as Kampung Ulu Aring hoping to get in touch with some Negritos. And on this river trip we met 5 members of this elusive race for the first time, returning to camp with full measurements and photographs”.*

26th September: *“Leaving Kuala Aring at 10 am, we reached Sg Rek the next day and here found four more Negritos, one from Sg Galas and the other three from the Lebir valley; two were men and two women. The bolted into the jungle after the first day with us but they were found again after a short interval, and measuring completed on them”.*

1st October: *“Still another day devoted to the search of Negritos. We slept at Kuala Sokor where they have been reported to have been seen, but our search again proved futile, and we continued our journey down the Kelantan river”.*

Disiplin Sains Sosial dan Pensejarahan Orang Asal Semenanjung Malaysia

Bagaimana caranya untuk memahami budaya yang berbeza? Ini merupakan persoalan metodologi yang diterokai oleh pengkaji sains sosial. Salah satu jawapan yang diberikan ialah melalui perspektif fungsi ('functionalism') dengan menghadkan penelitian kepada perkara yang bersifat objektif dan empirikal untuk mengelakkan berlakunya penilaian subjektif ('bias').

Akan tetapi, sewaktu di lapangan, hal yang berbeza berlaku. Kami dipengaruhi oleh latar belakang budaya masing-masing yang kadangkala membawa halangan untuk memahami masyarakat secara objektif. Hanya dengan keterbukaan terhadap perbezaan budaya dan pembacaan ilmiah terutamanya yang berkaitan dengan topik etika telah melatih kami untuk mengurangkan persepsi subjektif sewaktu mengkaji kehidupan Orang Asal.

Sehubungan itu, pengkaji telah mencuba sebaik mungkin untuk mengetengahkan sejarah dan budaya Orang Asal melalui tafsiran pakar rujuk komuniti. Selain itu, terdapat juga data empirikal yang diperolehi melalui pemerhatian pengkaji dan pengumpulan maklumat di lapangan. Melalui pendekatan hibrid ini, diharap agar pembaca dapat melihat perspektif komuniti dan pengkaji serta menilai perbezaannya.

Catitan oleh pengkaji budaya W.W. Skeat (rujuk m.s. 1) lebih seabad yang lalu membuatkan kami berfikir, bagaimana caranya pengkaji berbangsa Eropah memahami budaya yang jauh lebih asing ('strange') dari mereka?

Kerap kali penyelidik dan rakan-rakan lain ditanya soalan "Apakah itu sains sosial dan tugasan yang mereka lakukan?" Soalan ini hadir bukan sahaja dalam kalangan orang awam tetapi juga dalam kalangan warga akademik bukan sains sosial di universiti. Justeru, bahagian ini akan menerangkan disiplin sains sosial dan kepentingan kepada masyarakat.

Sumbangan Sains Sosial kepada Masyarakat

Pada 1 Julai 2015, akhbar *The Guardian* yang berpusat di United Kingdom, telah menerbitkan rencana interaktif "10 ways social science research has changed our lives". Berikut antara sumbangan penyelidikan sains sosial:

- Kajian "*The Undermining Effect*" (1971) membuktikan kesan sebaliknya ganjaran wang untuk meningkatkan motivasi ahli sukan dan pekerja.
- Kajian "*The Sociology of Housework*" (1974) menerangkan situasi suri rumah yang mengalami tekanan kerja yang lebih tinggi berbanding pekerja wanita di sektor perkilangan.
- Kajian "*The Impact of Domestic Violence on Children*" (2005) melihat kesan keganasan rumah tangga terhadap kanak-kanak.
- Program "*The Ebola Response Anthropology Platform*" (2014) membuktikan relevan dimensi sosio budaya yang perlu dititikberatkan semasa pengawalan dan pencegahan wabak.

Pembentukan Disiplin Sains Sosial

Pada pertengahan abad ke 19, negara-negara di Eropah seperti England, Perancis dan German mengalami perubahan yang sangat pesat kesan Revolusi Perindustrian.

Perubahan ekonomi, teknologi dan persekitaran fizikal telah membawa kesan kepada masyarakat. Migrasi penduduk dan kepadatan sosial yang wujud hasil pertembungan kelas, ras, budaya dan geografi menyebabkan pihak pemerintah pada masa tersebut menggunakan pelbagai kaedah untuk menanganinya. Antaranya mewujudkan institusi bagi menampung mereka yang dikatakan malas bekerja, tidak siaman, sakit, berhutang dan penjenayah yang kesemuanya ditempatkan di bawah satu penjara. Ini menunjukkan kurangnya ilmu pada masa itu untuk memahami dan menangani isu sosial yang timbul.

Salah satu contoh yang dapat dilihat ialah pada Foto 1.1. Ia merupakan rekod penjenayah bernama Mary McDonald yang berusia 40 tahun semasa tahanan. Beliau merupakan seorang pekerja dobi telah disabitkan kesalahan mencuri sepasang kasut but. Sistem kehakiman pada zaman Victoria di England melihat masalah jenayah dari perspektif biologikal, yakni, hasil dari sifat pemalas yang dipercayai diwarisi secara genetik. Sehingga kemunculan ilmu sains sosial pada lewat abad ke 19, masalah sosial dinilai melalui kerangka biologi yang menyalahkan individu atas perlakuan jenayah.

221
4

Name: *Mary McDonald* No. *221-4*

Aliases: *Prison*

Age (or discharge): *40*

Height: *5' 4"*

Hair: *Dark*

Eyes: *Blue*


Complexion: *Fair*

Where born: *England*

Married or single: *Single*

Trade or occupation: *Washer*

Distinguishing marks: *Scar on forehead - Scar upper lip*



Address at time of apprehension: *No settled home*

Place and date of conviction: *Southwark 13 March 73*

Offence for which convicted: *Stealing of goods*

Sentence: *3 Cal. M. L.*

Date to be liberated: *12 June 73*

Intended residence after liberation: *12 Mount St. Margaret St.*

Summary

1 - Sep 03. *Stealing a pair of Ladies' Goggles*

3 Aug 04. *Stealing a pair of Ladies' Goggles*

By Jury

Remarks, antecedents &c.

Foto 1.1: Rekod penjara Mary McDonald bertarikh 13 March 1873. Beliau dijatuhkan hukuman penjara di Southwark, England, selama 3 bulan dan dipaksa melakukan kerja berat (*hard labour*). Rekod menunjukkan wajah beliau mempunyai kesan luka di sekitar mata dan bibir serta patah tulang hidung.

Sumber: <http://www.nationalarchives.gov.uk/education/resources/victorian-prison/source-3/>.
[Diakses pada 13 Ogos 2018].

Pengetahuan Sainifik untuk Masyarakat Moden

Disiplin Sains Sosial bermula dengan penerbitan teks *The Positive Philosophy* oleh Auguste Comte (1798-1857). Bahagian pertama teks tersebut diterbitkan pada tahun 1830 dalam bahasa Perancis. Teks tersebut diterjemahkan ke Bahasa Inggeris oleh Harriet Martineau, seorang sarjana wanita Inggeris, dan diterbitkan pada tahun 1853. Di dalam teks tersebut, istilah Sains Sosial telah diperkenalkan buat julung kali. Beliau melihat satu cabaran yang sangat besar menanti ahli falsafah untuk menyelesaikan masalah sosial yang semakin meruncing dalam masyarakat industri ketika itu. Menurut beliau, masalah sosial hanya dapat diselesaikan menerusi kaedah dan pemikiran saintifik yang dipinjam dari bidang sains tulen.

"We could not pursue social science without having been prepared by the study of phenomena less complicated than those of society. Though the fundamental sciences are not all equally interesting to ordinary minds, there is no one of them can be neglected in an inquiry like the present; all are of equal value to human welfare".

Auguste Comte (1890). *The Positive Philosophy*. Translator: Harriette Martineau.
London: Keegan Paul.

Kaedah Sainifik

Kaedah saintifik untuk mengkaji manusia dan masyarakat melalui pelbagai teknik dan perincian telah diadaptasi daripada disiplin sains. Secara keseluruhan, pengkaji sains sosial bersetuju bahawa kaedah saintifik di dalam sains sosial haruslah berlandaskan prinsip objektif dan empirikal.

Objektif ialah satu nilai didukung oleh pengkaji sains sosial. Ini bermaksud memisahkan penilaian pengkaji yang bersifat normatif atau moral serta kepentingan peribadi yang mungkin tercapai melalui kajian tersebut. Hal ini untuk mengelakkan sikap prejudis terhadap responden dan seterusnya mempengaruhi penilaian saintifik terhadap bukti yang diperoleh semasa kajian.

Namun demikian, terdapat perdebatan antara paradigma di dalam sains sosial berhubung dengan nilai objektiviti sama ada pengkaji sedar akan perbezaan yang wujud antara penilaian moral dan penilaian saintifik semasa menjalankan kajian dan analisis. Adalah dikhuatiri pengkaji terikut-ikut dengan norma masyarakat sehingga menjejaskan kemampuan untuk bersifat objektif.

Merujuk kepada contoh Mary McDonald di atas (Foto 1.1.), penyelesaian kepada masalah jenayah pada ketika itu sama sekali tidak berlandaskan fakta objektif malah jelas dipengaruhi oleh nilai ras yang memandang rendah terhadap kelas pekerja.

Empirikal merujuk kepada fakta yang boleh dibuktikan secara pemerhatian (*observation*) atau pengalaman (*experience*). Sarjana sains sosial terkemuka Emile Durkheim (1858-1917) mengamalkan prinsip empirikal secara tegas. Menurut beliau, hanya fakta yang boleh dibuktikan secara pemerhatian dikira saintifik. Fakta yang berbentuk nilai atau falsafah tidak boleh dianggap sebagai saintifik kerana ia tidak dapat dibuktikan seperti contoh konsep kebahagiaan, hak asasi manusia dan kebebasan.

Norma dan nilai moral telah menjadi topik perbahasan dalam kalangan ahli sains tulen dewasa ini. Terdapat aliran pemikiran di kalangan mereka bahawa nilai moral itu bersifat saintifik dan empirikal. Antara pemikiran baharu tersebut ialah *Neuroethics* yang melihat nilai moral dan sains seiring dalam evolusi naluri manusia.

Shermer, Michael (2011) 'The Science of Right and Wrong', *Scientific American*, 1 January 2011.

Sumber: <https://www.scientificamerican.com/article/the-science-of-right-and-wrong/>. [Diakses pada 23 Ogos 2018].

Kaedah Empirikal dalam Penyelidikan

Fotografi dan Nota Lapangan

Fotografi merupakan antara bahan penyelidikan yang sering digunakan oleh pengkaji sains sosial. Kaedah ini disifatkan saintifik kerana dipercayai bahawa imej yang diambil memberi gambaran yang benar dan membuktikan kehadiran pengkaji sewaktu proses pengumpulan fakta di lapangan.

Fotografi sebagai alat penyelidikan telah dimulakan lebih seratus tahun lepas ketika kaedah kerja lapangan (*fieldwork*) diperkenalkan kepada bidang antropologi. Kerja lapangan merujuk kepada pemerhatian masyarakat dalam konteks asal (*natural setting*). Sebelum ini, ahli antropologi seperti James Frazer (1854-1941) membuat penyelidikan tentang sejarah manusia melalui kajian manuskrip dan teks lama. Kaedah ini dilihat tidak lagi relevan setelah pengaruh empirikal menyusup masuk dalam ilmu kajian manusia dan menghasilkan disiplin sains sosial. Lantaran, disiplin yang baharu pada ketika itu menyerap masuk kaedah dan teori dari sains tulen.

Pada tahun 1890, Dr Francis Galton dari *Ethnographical Survey Committee*, UK, telah mengeluarkan panduan kepada para pengkaji masyarakat berkenaan dengan teknik fotografi semasa menjalankan kerja lapangan. Antara panduan yang disarankan ialah teknik mengambil gambar wajah individu atau "field portraits":

- "A few portraits of such persons as may best convey the peculiar characteristics of the race. These may be taken in whatever aspects shall best display those characteristics and should be accompanied by a note directing attention to them".
- "At least twelve portraits of the left side of the face of as many different adults of the same sex. These must show in each case the exact profile, and the hair should be so arranged so as to show the ear. All the persons should occupy in turn the same chair, the camera being fixed throughout in the same place".

Alfred C. Haddon (1908) *The Study of Man*. London: John Murray, p. 464




Foto 1.2: Teknik fotografi digunakan oleh penyelidik dan pelawat Eropah yang mengkaji budaya masyarakat 'primitif' dan menggunakan pengalaman lapangan sebagai bukti autoriti ilmu berkaitan masyarakat tersebut. Foto ini menunjukkan John William Lindt (1845-1926), antara pelawat Eropah yang terawal mengambil foto masyarakat dan budaya di Papua New Guinea pada tahun 1885.

Sumber: http://www.britishmuseum.org/research/collection_online/collection_object_details.aspx?objectId=3064238&partId=1. [Diakses pada 13 Ogos 2018].




Foto 1.3: Kamera yang biasa dibawa oleh pengkaji dan pelawat pada lewat abad ke 19. Kamera ini direka oleh George Eastman pada tahun 1888. Ia dianggap mudah digunakan dan senang dibawa.

Sumber: http://americanhistory.si.edu/collections/search/object/nmah_760118. [Diakses pada 13 Ogos 2018].

Nota lapangan ialah salah satu kelengkapan yang biasa dilihat dalam kalangan pengkaji semasa membuat tugas lapangan dan menemu bual komuniti. Nota lapangan juga mempunyai status empirikal yang penting kerana ia merekodkan masa, tarikh perbualan, pemerhatian dan idea yang diperolehi semasa proses kajian. Ia juga merupakan bukti bahawa pengkaji berada di lapangan ("being there") dan merupakan sumber yang penting tatkala pengkaji ingin merakamkan semula ingatan dan suasana lapangan.

Foto 1.4 ialah contoh nota lapangan ahli antropologi Marian Wesley Smith (1907-1961) yang bertarikh 24 Ogos 1945 semasa menjalankan pemerhatian bersama komuniti peribumi Fraser River di British Columbia. Nota tersebut serta koleksi nota lapangan beliau telah diamanahkan kepada Royal Anthropological Institute (RAI) untuk rujukan penyelidik pada hari ini.




Foto 1.4: Prof Marian Smith yang merupakan antara generasi antropologi wanita yang terawal di Amerika Syarikat. Atas sumbangan beliau dalam disiplin antropologi di Amerika Syarikat dan di Britain, beliau telah dipilih selaku President American Ethnological Society pada tahun 1944 dan Setiausaha Kehormat Royal Anthropological Society pada tahun 1956.

Sumber: Nigel Rapport (1991), *Writing Fieldnotes: The Conventionalities of Note-Taking and Taking Note in the Field*, Anthropology Today, Vol. 7, No. 1 (Feb., 1991), pp. 10-13.

Sejarah Penyelidikan Kolonial Semenanjung Malaysia

Pada tahun 1878, Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatics Society (JSBRAS) telah melampirkan notis di dalam terbitan pertama mereka yang menyeru agar para pegawai dan residen British serta pelawat Eropah yang melawati kawasan Orang Asal di Semenanjung Tanah Melayu untuk mengumpul maklumat kebudayaan Orang Asal dan bahasa mereka untuk diterbitkan ke dalam jurnal tersebut.

Seruan pihak penerbit telah disambut baik oleh pegawai residen, mubaligh, pengembara dan pedagang Inggeris dan Eropah. Melalui ruangan yang disediakan oleh jurnal tersebut, khalayak pembaca dalam kalangan ahli akademik dan *gentleman scholar* di England telah mewujudkan aliran ilmu pengetahuan yang dinamakan keserjanaan kolonial atau *colonial scholarship*.

Kesarjanaan kolonial ini membawa maksud kajian yang dilakukan ke atas masyarakat tempatan dengan tujuan untuk memahami budaya, bahasa dan perubahan sosial yang berlaku akibat penjajahan politik yang dibawa oleh pemerintahan British.

Sarjana kolonial yang terkemuka pada ketika itu merupakan pegawai British seperti Hugh Clifford (1866-1941), Frank Swettenham (1850-1946), R. Wilkinson (1867-1941), William W. Skeet (1866-1953) dan Richard Winstedt (1878-1946). Malahan, di dalam ujian kelayakan bagi kadet pentadbiran kolonial (1966). Malahan, di dalam ujian kelayakan bagi kadet pentadbiran kolonial ketika itu mensyaratkan agar pengetahuan bahasa dan budaya tempatan

yarat wajib lulus untuk diterima masuk dalam perkhidmatan. Ini bagi memastikan interaksi dan urusan harian antara pentadbir dan orang tempatan tidak terjejas akibat salah faham dan kekurangan sensitiviti budaya.



Foto 1.5: Richard Winstedt (1878-1946) memulakan perkhidmatan di *Malayan Civil Service* (M. C. S) pada tahun 1902 sebagai pentadbir Perak dan Negeri Sembilan. Ini membolehkan beliau mendalami bahasa, budaya dan sejarah Melayu. Beliau telah menghasilkan enam judul kamus Melayu-Inggeris yang dijadikan rujukan utama bagi pentadbir kolonial dan sarjana oriental yang lain, selain menterjemahkan pantun Melayu dan peribahasa.

Sumber: Lord Milverton & M. C. Hay (1963), *Journal of Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland*, p. 125.

Sejarah Penyelidikan Orang Asal Semenanjung Malaysia

Kajian Orang Asal Semenanjung mengalami perubahan susulan dari pengaruh saintifik yang dibawa oleh disiplin sains sosial. Namun, yang memimpin perubahan tersebut datangnya dari generasi sarjana kolonial. Ini berdasarkan autoriti dan pengalaman pentadbiran mereka yang memudahkan akses kepada sumber maklumat dan pakar tempatan.

William Walter Skeat (1866-1953), misalnya, menyertai pentadbiran pada tahun 1891. Beliau kemudiannya dilantik ke *Selangor Civil Service* dan jawatan selaku pegawai daerah di Kuala Langat, Ulu Langat dan Klang. Pada tahun 1898, beliau dilantik sebagai Majistret di Larut, Perak. Semasa perkhidmatan, beliau mengamati perubahan yang dibawa oleh moden ke atas budaya dan gaya hidup Orang Asal di Selangor. Beliau merasakan pengaruh modenisasi yang dipercayai boleh melenyapkan Orang Asal dan menghilangkan identiti dan jati diri mereka.

Sekembalinya ke England, Skeat telah menghubungi Alfred C. Haddon (1855-1940) yang merupakan pelopor kepada kajian antropologi moden di England. Haddon memaklumkan kepada Skeat akan lawatan lapangan beliau di Sarawak pada tahun 1898 yang pada ketika itu di bawah pemerintahan kolonial Charles Brooke. Beliau menyaksikan budaya masyarakat peribumi Sarawak dan adat turun-temurun seperti memberi nama kepada anak kecil, upacara penyembuhan sakit dan upacara perdamaian antara puak-puak bertelagah. Beliau telah menerbitkan buku *Head-Hunters Black White and Brown* pada tahun 1901 yang merangkumi pemerhatian beliau di Sarawak. Haddon memberi galakan kepada Skeat untuk membuat dokumentasi budaya Orang Asal yang belum dicemari oleh perubahan agar dapat menyelamatkan ilmu berkenaan budaya tersebut sebelum lupus ditelan gelombang modenisasi.

Cadangan Skeat untuk membuat ekspedisi penyelidikan yang pertama Orang Asal telah mendapat sokongan dan biayaan daripada Cambridge University. Sarjana Oxford dan Cambridge yang menyertai ekspedisi tersebut ialah Nelson Annandale (zoologi), Richard Evans (zoologi), D. C. Gwyme-Vaughan (botani), Frank Laidlaw (biologi) dan Robert H. Yapp (botani). Tempoh bagi kerja lapangan tersebut bermula dari bulan Mac 1899 sehingga 10 Februari 1900. Maklumat yang diperolehi telah diterbitkan di dalam dua jilid buku yang bertajuk *Pagan Races of the Malay Peninsula* pada tahun 1906. Maklumat yang dikumpul melalui kaedah cerita lisan, lukisan (*sketches*), fotografi dan nota lapangan dilihat berjaya merekodkan gaya hidup masyarakat secara deskriptif. Ini menjadi kekuatan kepada kaedah kajian lapangan pada peringkat awal perkembangan metod etnografi di dalam perkembangan ilmu antropologi di Malaysia.



Foto 1.6: William Walter Skeat (1866-1953). Sekembalinya dari ekspedisi penyelidikan pada tahun 1900, beliau telah bersara dari perkhidmatan kolonial atas faktor kesihatan. Sekembalinya ke England, Skeat memegang jawatan pentadbiran di University of London dan kemudiannya pada tahun 1914 beliau bertugas sebagai "Guide-Lecturer" di Seksyen Etnografi, British Museum.

Sumber: J. M. Gullick (1988) *W. W. Skeat and Malayan Ethnography An Appreciation*, JMBRAS, vol. 61 (1): 117-152.




Foto 1.7: Ekspedisi Skeat ke negeri-negeri utara dan pantai timur Semenanjung Tanah Melayu.

Sumber: Gibson-Hill, C. A., Skeat, and W. W., Laidlaw, F. F. (1953) *The Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States and to Upper Perak*. JMBRAS, vol. 26 (4): 3-174.




Foto 1.8: Hasil penyelidikan ekspedisi Skeat diterbitkan pada tahun 1906. Skeat telah memanfaatkan koleksi kraf Orang Asal disimpan dalam koleksi Abraham Hale, pegawai daerah Larut, Perak. Dilihat di sini bukti interaksi alam dan manusia. Bahan berasaskan buluh mempunyai fungsi yang pelbagai bagi kehidupan di belantara seperti menyimpan sumpit, tabung air dan alatan sumpit. (Skeat & Blagden 1906, p. 471).




Foto 1.9: Lakaran corak kaum Sakai, Perak dilukis atas buluh. Ia berfungsi sebagai pelindung (charm) tanaman dari ancaman haiwan perosak dan sakit kulit pada tubuh badan manusia. (Skeat & Blagden 1906, p. 478).

Sejarah Penyelidikan Orang Asal Pasca Merdeka

Selepas kemerdekaan, kajian Orang Asal masih mendapat perhatian dalam kalangan ahli akademik di Malaysia. Pada tahun 1979, Federation Museums Journal telah menerbitkan judul khas *The Ethnography of the Orang Asli of Peninsular Malaysia* yang merupakan rangkuman kertas kerja penyelidikan yang dibentangkan pada *Seminar of the Malaysian Society for Asian Studies* pada 1 dan 2 Oktober 1977.

Seminar tersebut dilihat sebagai satu usaha untuk mengemaskini ilmu pengetahuan semasa berkaitan dengan Orang Asal. Ini sejajar dengan hasrat Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli (JHEOA), pada masa tersebut untuk membawa komuniti Orang Asal ke arah pembangunan arus perdana yang memfokuskan pembangunan fizikal susulan pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970.

Maka, pelbagai program pembangunan dilancarkan yang melibatkan Orang Asal seperti rancangan pengumpulan semula, pembinaan sekolah berasrama bagi pelajar sekolah rendah dan menengah serta membina prasarana seperti rumah, jalan raya, bekalan elektrik dan air terawat. Orang Asal juga terlibat dalam penanaman getah dan kelapa sawit bagi menambah nilai pendapatan mereka.

Reka bentuk kajian orang Asal pada era pasca kemerdekaan berbeza dengan kaedah keserjanaan kolonial yang mendasari kajian sebelumnya. Kajian kolonial bersifat deskriptif dan menggunakan pengetahuan penyelidik selaku pentafsir utama masyarakat yang dikaji.

Sebaliknya, kajian masa kini menitikberatkan pengumpulan data primer yang diangkat melalui penyampaian secara statistik dan fakta (*social facts*). Oleh itu, data berkaitan demografi, ekosistem, sosio-ekonomi dan adaptasi sosial dibuktikan melalui fakta yang objektif dan empirikal berbanding interpretasi yang bersifat subjektif. Dalam hal ini, perubahan struktur ilmu pengetahuan tersebut telah mempengaruhi perspektif kajian terhadap Orang Asal. Dengan kata lain, perspektif keserjanaan kolonial yang bersifat romantik ('menyelamatkan budaya yang hilang') telah beralih kepada perspektif pembangunan ekonomi dan kemajuan fizikal (*development science*).